

# KERAJAAN NEGERI KELANTAN

## ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 2015

### PENYELARASAN KUTIPAN BAYARAN DI BAWAH KAEDAH 21 KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966 BAGI SEMUA JENIS URUSAN PERMOHONAN

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan supaya mengutip bayaran di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 bagi semua jenis urusan permohonan.

2. Kaedah ini adalah satu langkah untuk menguatkuasakan kutipan bayaran yang perlu dikutip bagi semua urusan permohonan sebagaimana butiran yang telah disenaraikan di bawah Kaedah 21. Butiran 54 dan butiran 61 adalah didapati tidak dikutip dengan seragam.

3. Kutipan bayaran yang perlu dikutip bagi semua urusan permohonan adalah sebagaimana berikut;

<u>Perkara</u>	<u>Kadar (RM)</u>	<u>Butiran</u>
Memfail Surat Akuan Sumpah	40.00	54
Notis	6.00 setiap orang	61
Pungutan bayaran Akuan Surat Sumpah di Pejabat Tanah dan Jajahan	4.00	PKN.B1/2-Fk.1(3)

(Semua resit hendaklah disertakan dalam fail permohonan)

4. Semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum dan tindakan serta merta untuk mengutip bayaran - bayaran tersebut.

Diedar pada:

20/1/2015

5 Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

  
**DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, D.P.S.K.(Kelantan)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3 KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU  
KELANTAN

FAIL : PTG.KN.3269 JLD.4 ( 2 )  
BERTARIKH : 22 RABIUL AWAL 1436H  
13 JANUARI 2015